

Konfrontasi Indonesia-Malaysia: Satu perang kecil, 1963-1966

ABSTRAK

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia adalah satu pergolakan politik di antara dua negara serumpun di rantau Asia Tenggara. Agenda pembentukan Malaysia yang melibatkan negara Persekutuan Tanah Melayu dengan Tanah Jajahan Mahkota British di Borneo telah mendapat bantahan daripada negara jiran Indonesia dan Filipina. Penyelesaian secara rundingan tidak dapat diterima sepenuhnya oleh Indonesia. Lantas bertindak agresif dengan mengerahkan pasukan tenteranya untuk bertindak melakukan serangan gerilla di perbatasan Sarawak dan Sabah. Dalam tempoh tahun 1963 hingga 1966, 116 siri serangan di Sarawak, manakalah Sabah sebanyak 61 siri serangan telah dilakukan oleh tentera Indonesia. Beberapa serangan tersebut telah mendapat tentangan dan berjaya dipatahkan oleh pihak tentera Malaysia. Tindakan tentera Indonesia ini lebih berunsur provokasi atau kekecohan terhadap Malaysia, khususnya untuk menguji kekuatan pertahanan Malaysia. Pelbagai perspektif cuba diberikan oleh sarjana, kuasa besar, Indonesia dan Malaysia untuk menjelaskan bentuk perang konfrontasi ini. Dalam kertas kerja ini, konfrontasi cuba dikupas dari sudut sejarah berperangan, khususnya satu sejarah perang kecil. Dengan harapan, kertas kerja ini akan dapat menemukan satu jawapan yang kukuh terhadap permasalahan bentuk perang konfrontasi tersebut.